

'Saya tak gentar usul undi tak percaya'

BERITA HARIAN 22 JUL 2025

mf: 3

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak gentar dan sedia berdepan jika pembangkang mengemukakan usul undi tidak percaya terhadapnya di Dewan Rakyat.

Perdana Menteri berkata, beliau sendiri ada memaklumkan kepada Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Johari Abdul supaya membenarkan usul sedemikian sekiranya ada dikemukakan di Dewan Rakyat.

"Saya beritahu kepada Speaker (Dewan Rakyat), hari pertama jika ada usul hari ini (semalam),

saya akan tunggu usul undi tidak percaya.

"Jika mereka (pembangkang) ada majoriti, silakan. Itu sistem kita," katanya ketika berucap pada Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri di sini, semalam.

Anwar menegaskan, sebarang cubaan untuk menjatuhkan kerajaan di luar kerangka perlembagaan adalah satu tindakan yang menyalahi undang-undang dan mengancam kestabilan negara.

"Mereka kata tak mahu tunggu

pilihan raya umum, mereka mahu paksa kerajaan tumbang sekarang. Ini bercanggah dengan prinsip Perlembagaan dan undang-undang.

"Nak kritik saya tak apa, kata Perdana Menteri tak layak tadbir dan patut diganti. Kita boleh rancang untuk pemimpin lebih baik ambil alih, saya tiada masalah.

"Tetapi jika tindakan itu mencetuskan huru-hara, maka tiada negara akan selamat. Segala pencapaian kita akan musnah jika kestabilan politik dan negara tidak dapat dijamin," katanya.

Beliau berkata, wujud segelintir pihak yang cuba menyebarkan gambaran kononnya negara sudah tidak selamat dan rakyat hidup dalam keadaan terdesak.

"Itu mantra yang diberikan termasuk di stadium di Kedah, baru-baru ini," katanya.

Sementara itu, Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Johari Abdul, tidak menyebut mengenai usul undi tidak percaya melalui pemasyhuran Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Parlimen Ke-15 yang membuka tirai di Dewan Rakyat, semalam.